

Bahasa sains dan teknologi

Oleh Ismail Jusoh
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

1/3

SEJAK bahasa Malaysia menjadi bahasa kebangsaan sebagaimana yang tercatat di dalam perlembagaan negara para 152, Akta Bahasa Melayu seluruh rakyat mempelajari dan mendalaminya untuk meningkatkan ilmu di dalam bidang bahasa ini untuk diri sendiri dan kemudiannya menyumbang untuk masyarakat, bangsa dan negara.

Mengikut Prof. Madya Dr. Nik Safiah Karim (1986), bahasa Malaysia kini, sudah pun mencapai tahap bahasa 'intelektual', yang mampu menyuarakan idea ilmu moden yang kompleks dan tinggi. Bahasa Malaysia tinggi juga ini sudah mampu menyuarakan dan menjelaskan konsep dan pemikiran tinggi yang maju serta abstrak.

Kemajuannya ini disebabkan oleh perkembangan dan penambahan unsur - unsur bahasa seperti leksikologi dan keupayaannya di dalam bidang fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Bidang - bidang ini telah berkembang dengan pesatnya selari dengan perkembangan pembangunan negara kita. Pengkajian di dalam bidang ini kini memerlukan kepakaran dan kedah yang saintifik.

Memandangkan kepesatan perkembangannya, maka amat wajar bagi seluruh pencinta bahasa menambahkan ilmu di dalam bidang bahasa tersebut agar dapat mengikuti perkembangannya. Dengan berjinak-jinak begini, akan lahir perasaan cintakan bahasa kebangsaan kita.

Prof. Tan Sri Dr. Awang Had Salleh (1987) juga turut menegaskan keperluan mengkaji dan mendalami ilmu bahasa sebab kini bahasa Malaysia sudahpun menjadi bahasa pengantar ilmu di pusat - pusat pengajian tinggi di negara kita.

Prof. Sultan Takdir Alishabana (1987) juga menyuarakan perkara yang sama bahawa bahasa Malaysia sudah mampu menjadi bahasa pengantar dari sekolah rendah sampai ke peringkat universiti di Malaysia dan di Indonesia. Nyata sekali, sekarang bahawa bahasa Malaysia sudah mantap dan cekap untuk mendukung tugasnya sebagai bahasa ilmu moden yang saintifik.

Dr. Nik Safiah (1986) menambah, kini bahasa Malaysia sudah mampu menyuarakan idea - idea ilmu moden di dalam bidang sains, teknologi, budaya dan lain - lain kemajuan moden.

Di sini jelas bahawa bahasa Malaysia sudah utuh, mantap, jitu serta persis untuk digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu moden sesuai dengan kemajuan dan perkembangan pembangunan negara kita.

Maka amat wajar sekali bagi pencinta bahasa Malaysia mendalami serta mendekati bidang bahasa ini agar turut mengikuti dan menghayati perkembangannya. Dr. Nik Safiah (1986) menambah, kini bahasa Malaysia sudah menjadi:

- bahasa rakyat
- bahasa rasmi
- bahasa pentadbiran
- bahasa komunikasi
- bahasa perpaduan
- bahasa media massa
- bahasa ilmu moden dan bahasa kebangsaan yang dihayati sebagai
- bahasa jiwa dan kebanggaan bangsa.

Bahasa Malaysia seharusnya bersedia menjalankan tugasnya dengan baik sebagai bahasa penyuaraan idea dan pemikiran moden yang bersifat saintifik, sekular dan hal - hal ketuhanan yang abstrak.

Kini kesedarannya semakin jelas yang bahasa Malaysia adalah hak masyarakat Malaysia dan seharusnya kita berbangga dengan percambahan perkembangannya.

Di dalam konteks ini bahasa Malaysia sudah pun bersedia untuk proses penyempurnaan bagi menjalankan tugasnya dengan amanah, berkesan, licin, jitu dan berwibawa sebagai bahasa di nusantara, ASEAN dan dunia sebelah Tenggara Asia ini.

Atas kesedaran yang sedemikian maka amat perlu seluruh rakyat pencinta bahasa Malaysia mendalami lagi bahasa ini yang peranannya untuk perkembangan dan pembangunan negara semakin jelas dan mencabar.